

JANGKAAN KEPERLUAN TENAGA KERJA SEKTOR BINAAN BAGI PEMBANGUNAN
ISKANDAR MALAYSIA

SITI ZURAIDAH BINTI ZULKIFLY

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara membangun. Bagi mengukuhkan proses pembangunan, kerajaan telah merangka suatu pembangunan yang dikenali sebagai Iskandar Malaysia di negeri Johor bagi meningkatkan infrastruktur serta kemudahan sekitarnya. Namun di sebalik pembangunan ini terdapat halangan apabila negara masih di dalam kemelut kekurangan tenaga kerja sektor binaan. Penawaran tenaga kerja ini dilihat tidak mencukupi berbanding jumlah pembangunan yang akan dijalankan. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi melihat berapakah jangkaan tenaga kerja sektor binaan bagi Iskandar Malaysia untuk memastikan jumlah tenaga yang mencukupi supaya dapat menghasilkan produktiviti yang baik dan hasil binaan yang berkualiti tinggi. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jangkaan keperluan tenaga kerja sektor binaan bagi Iskandar Malaysia. Kaedah yang digunakan dengan menjadikan projek pembinaan di dalam Universiti Teknologi Malaysia sebagai asas dengan mengambil kira jumlah tenaga kerjanya dan keluasan lantai yang diperuntukkan dan dibandingkan dengan keluasan projek di dalam Iskandar Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian, data dikumpul melalui temu bual berstruktur terhadap responden yang terdiri daripada pengurus projek pembinaan dan pihak Iskandar Malaysia. Analisis data dilakukan dengan mengambil kira jumlah tenaga kerja bagi setiap 1m² keluasan lantai bangunan dan didarabkan dengan keluasan lantai yang diperuntukkan di Iskandar Malaysia. Hasil daripada kajian mendapati bahawa jangkaan tenaga kerja sektor binaan yang diperlukan oleh Iskandar Malaysia dan dikhususkan kepada projek bangunan yang diuruskan oleh Iskandar Investment Berhad sehingga tahun 2015 ialah 126,161 orang tenaga kerja.

ABSTRACT

Malaysia is a developing country. To strengthen the development process, the government has formulated a development known as Iskandar Malaysia in Johore to improve the surrounding infrastructure and facilities. But despite this, there are constraints on the development of the country, where construction sector still faces workforce shortage. Supply of labor not enough compared to the total development to be carried out. Thus, the research was undertaken to see how much the expectations of construction workers for Iskandar Malaysia to ensure a sufficient amount of energy to produce a better productivity and high quality of construction. The objective was to identify the expectations of the number of construction workers needs for the Iskandar Malaysia. The method used by make the construction project in the Universiti Teknologi Malaysia as a basis, taking into consideration the total workers and the floor area provided and compared with the floor area in the Iskandar Malaysia project. To achieve the objectives of the research, data collected through structured interviews of respondents from the construction project manager and the Iskandar Malaysia. Data analysis was done by taking into account the total workforce of 1m² of floor area and multiplied by the floor area allocated in the Iskandar Malaysia. The results of the study showed that the expected construction workers required by the Iskandar Malaysia and dedicated to building developments project that are managed by Iskandar Investment Berhad until 2015 was 126,161 workers.